



## PERUTUSAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan Salam Keluarga Malaysia



Malaysia kekal komited dalam melaksanakan komitmennya terhadap konservasi Alam Sekitar menerusi penyertaan perjanjian global mengenai pemuliharaan hidupan liar dan perhutanan.

Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS 2022) dengan

Visi '**Menyambung Semula Hutan**' (*Reconnecting The Forests*) ini merangkumi usaha berterusan dalam memelihara hutan supaya kadar liputan kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia dapat ditingkatkan daripada 43% kepada 50% keluasan tanah Negara

septimana komitmen Negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992. Pelan Induk ini dirangka selari dan selaras dengan kerangka dasar sedia ada terutamanya Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Gajah Antarabangsa agar kepentingan rangkaian hutan yang bersambung dapat dilaksanakan bagi memelihara habitat dan pergerakan hidupan liar tersebut.

Sasaran utama PIRECFS 2022 adalah bertujuan untuk menghubung, mengekalkan dan memelihara serta memulihara kawasan-kawasan hutan yang terpisah di Semenanjung Malaysia agar wujud satu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan di seluruh kawasan CFS. Penghasilan dokumen PIRECFS 2022 ini juga selari dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dalam memacu pertumbuhan ekonomi, menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta memelihara Alam Sekitar secara menyeluruh.

PIRECFS 2022 ini dirangka berdasarkan enam (6) prinsip utama iaitu penyelesaian isu secara strategik, pencapaian matlamat, *site specific*, mesra pengguna, berdaya laksana dan telus dengan penglibatan awam bersama agensi teknikal / pemegang taruh mengikut konsep *smart partnership*. Ini adalah komponen penting dalam penyediaan dan pelaksanaan Pelan Induk ini supaya dapat meningkatkan *sense of ownership* di kalangan agensi teknikal / pemegang taruh dalam berkongsi pandangan dan maklumat yang boleh menyumbang kepada kejayaan pelaksanaannya.

PIRECFS 2022 adalah bukti komitmen Negara dalam meneraju dan menyusun langkah bagi mendepani apa jua situasi berkaitan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kesejahteraan biodiversiti perhutanan dan hidupan liar di Semenanjung Malaysia. Keutamaan penyediaan Pelan Induk ini adalah selaras dengan perancangan pembangunan yang telah dirangka di peringkat antarabangsa seperti Matlamat Pembangunan Mampan di bawah Agenda 2030 *Sustainable Development Goals* (SDG), *The International Union For Conservation of Nature* (IUCN), *Red List Of Threatened Species*, *United Nations Strategic Plan For Forests 2017–2030* (UNSPF) dan *Food And Agriculture Organization* (FAO) *Strategy On Mainstreaming Biodiversity Across Agricultural Sectors*.

Insya-Allah, PIRECFS 2022 ini akan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan di peringkat antarabangsa dan Negara terutamanya RMKe-12 ke arah kemakmuran bersama, mempertingkatkan inklusiviti dan merintis jalan menjadikan Malaysia sebagai Negara yang lebih mampan untuk generasi akan datang. Sesungguhnya, dalam melaksanakan matlamat dan objektif Pelan Induk ini banyak bergantung kepada komitmen daripada semua pihak terutamanya membuat dasar, pemaju dan pihak berkepentingan dalam memaju dan mengawal penggunaan tanah di kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang komited dalam membuat keputusan secara kolektif untuk merumuskan cadangan di dalam PIRECFS 2022 ini supaya lebih realistik dan berdaya laksana.

Akhir kata, marilah Keluarga Malaysia bekerjasama demi menjayakan matlamat Negara untuk memelihara dan memulihara serta menghubungkan kawasan-kawasan hutan dalam kawasan CFS bagi membentuk suatu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan berlandaskan kepada semangat Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
Perdana Menteri  
Putrajaya



## PERUTUSAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan Salam Keluarga Malaysia



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menghasilkan satu dasar utama berkaitan perancangan dan pemuliharaan kawasan biodiversiti iaitu Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022 atau dikenali sebagai PIRECFS 2022.

PIRECFS 2022 ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-40 Bil. 1/2022 pada 20 Julai 2022 sebagai panduan perancangan serta pembangunan fizikal dan hutan bagi seluruh Semenanjung Malaysia.

Keperluan penyediaan PIRECFS 2022 adalah berdasarkan kepada perincian dasar Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-4 di bawah Tindakan KD 2.1B yang memberi keutamaan untuk mengekalkan ketersambungan landskap hutan melalui pemeliharaan Rangkaian Ekologi. RFN Ke-4 telah mengenal pasti 20 daripada 39 Rangkaian Ekologi berada dalam keadaan terancam akibat daripada peningkatan keluasan pertanian yang ketara, hubungan hutan yang terputus dan peningkatan aktiviti-aktiviti pembangunan, terutama kawasan habitat hidupan liar. Oleh itu, Pelan Induk ini merupakan satu inisiatif untuk menghubungkan kompleks hutan utama Negara melalui konsep Rangkaian Ekologi yang merupakan elemen penting sebagai kawasan penglibatan aktif yang diperlukan untuk mewujudkan semula kesinambungan (*connectivity*) di dalam kawasan Central Forest Spine (CFS).

Kawasan CFS di Semenanjung Malaysia yang berkeluasan 6.71 juta hektar melibatkan lapan (8) kompleks hutan yang merentasi lapan (8) Negeri iaitu Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. PIRECFS 2022 telah mengenal pasti 39 Rangkaian Ekologi dengan keluasan keseluruhan 595 ribu hektar iaitu 8.9% daripada keluasan kawasan CFS bagi membantu memelihara kesihatan ekosistem termasuk mewujudkan satu rangkaian hutan yang lengkap bagi kawasan rayuan

populasi hidupan liar. Rekod Jabatan PERHILITAN Malaysia menunjukkan sejumlah 88,796 kes konflik manusia hidupan liar atau *Human Wildlife Conflict* (HWC) yang direkodkan pada tahun 2010 sehingga tahun 2021. Akibat daripada konflik manusia dan hidupan liar ini, jumlah kerugian yang dilaporkan pada tahun 2022 dianggarkan sebanyak RM70.68 juta.

Oleh itu, selaras dengan aspirasi KPKT iaitu *Liveable Malaysia* atau Malaysia Berdaya Huni, PIRECFS 2022 akan memberi fokus kepada strategi mengurangkan risiko bencana dan meningkatkan daya tahan Alam Sekitar terutama di kawasan sekitar koridor Rangkaian Ekologi CFS bagi memelihara kesejahteraan biodiversiti dan ekosistem di kawasan hutan. Komitmen dan kesungguhan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia dalam ruang litup dan fungsi KPKT dapat diperkuuhkan melalui kolaborasi dengan pelbagai agensi melalui penterjemahan dan pelaksanaan Pelan Induk ini di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan serta NGO. Dokumen ini juga boleh digunakan oleh Pihak Berkusa Negeri untuk merencana mekanisme pelaksanaan ke arah memperkuuhkan penjagaan hutan melalui pengawalan guna tanah, pemantauan dan penguatkuasaan yang efektif di dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi, khususnya melibatkan perlindungan jenis-jenis hutan, pertaanian rizab serta pembangunan.

Diharap komitmen bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan PIRECFS 2022 dapat direalisasikan dalam usaha memastikan kepentingan pembangunan kawasan hutan dan Rangkaian Ekologi CFS diuruskan secara mampan dan holistik untuk manfaat generasi akan datang. Saya percaya dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam merancang pelaksanaan Pelan Induk ini akan meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen kerajaan dalam mengurus isu-isu berkaitan pembangunan sumber jaya semula jadi dan sosioekonomi secara mampan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Putrajaya



PERUTUSAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan Salam Sejahtera,



PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) merupakan agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 yang dijadikan panduan dan rujukan

kepada semua agensi kerajaan Persekutuan termasuk Negeri dan agensi pelaksana dalam memelihara dan mengawal kawasan hutan yang menjadi habitat kepada biodiversiti dan hidupan liar. PIRECFS 2022 ini menjadi rujukan dalam mengawal pembangunan guna tanah di kawasan CFS agar usaha pemeliharaan dan pemuliharaan sumber biodiversiti perhutanan, hidupan liar serta akuatik akan lebih berkesan dan berdaya laksana.

Selaras dengan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah inisiatif pemuliharaan sumber asli ke arah pemartaan kawasan perlindungan, pewujudan koridor ekologi serta pemuliharaan dan penghutanan, sejumlah 1,791 hektar kawasan hutan di bawah inisiatif Central Forest Spine (CFS) telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan bagi tempoh 2016 hingga 2019. Usaha ini telah meningkatkan keluasan kawasan yang diwartakan kepada 31,938 hektar. Inisiatif ini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di bawah Bidang Keutamaan B iaitu mengurus sumber asli dengan cekap bagi melindungi aset semula jadi dengan penambahbaikan dalam mempercepatkan pewujudan koridor ekologi di bawah inisiatif CFS.

Bagi mencapai sasaran bersepodu, Rang Undang Undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 digubal semasa Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima, Parlimen Keempat Belas pada 18 Julai 2022 dan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang menggariskan pengurusan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan penguatkuasaan hutan.

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-40 Bil. 1/2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 20 Julai 2022 juga telah meluluskan PIRECFS 2022 yang mana matlamat dan objektif yang digariskan adalah selari dengan tujuan penggubalan RUU tersebut. KPKT sentiasa peka dan responsif terhadap keperluan pembangunan fizikal di kawasan hutan terutamanya berkaitan fragmentasi hutan yang memberi kesan kepada pengurangan saiz hutan akibat tekanan pembangunan guna tanah yang tidak mampu. Penemuan PIRECFS 2022, sebanyak 2.61% pengurangan keluasan kawasan berhutan berlaku dalam Rangkaian Ekologi berbanding tahun 2015. Inilah cabaran utama yang perlu dihadapi oleh semua 163 agensi dan pihak berkepentingan yang telah dikenal pasti sebagai agensi pelaksana utama, sokongan dan pemantau ke atas pelaksanaan Pelan Induk ini dalam melindungi kawasan hutan di Semenanjung Malaysia.

Akhir sekali, saya yakin KPKT sentiasa memupuk kerjasama erat dengan setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi di peringkat Persekutuan, Negeri, Daerah dan Tempatan serta kepada seluruh rakyat Malaysia dalam membantu menyediakan dasar dan khidmat nasihat berhubung perancangan, pengurusan, pemajuan dan pemuliharaan tanah dan menyokong penyediaan perkhidmatan ekologi secara berterusan bagi kemaropanan biodiversiti serta pertumbuhan sosioekonomi selari dengan dasar Rancangan Fizikal Negara serta Matlamat 14 dan 15 Agenda 2030 Sustainable Development Goals (SDG).

Sekian, terima kasih.

DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Putrajaya



## PERUTUSAN KETUA PENGARAH PLANMalaysia



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh dan Salam Sejahtera,



### Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine

(PIRECFS) 2022 merupakan kajian semula kepada PIRECFS yang telah disediakan pada tahun 2010. PIRECFS 2010 ini telah menjadi panduan kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta digunakan sebagai rujukan dalam

perancangan dan kawalan penggunaan tanah di kawasan CFS. Setelah 10 tahun disediakan, wujud keperluan untuk kajian semula Pelan Induk ini bagi mengemaskini tahap pelaksanaan setiap Rangkaian Ekologi agar cadangan penambahbaikan dan pengukuhan kepada strategi dan tindakan dapat disediakan bagi mengukuhkan fungsi habitat semulajadi dan laluan hidupan liar. Sehubungan itu, PIRECFS 2022 telah disediakan pada tahun 2019 dan siap sepenuhnya pada tahun 2021 di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 bagi tempoh perancangan 2022 hingga 2040.

PIRECFS 2022 telah menggariskan 5 objektif, 14 strategi, 38 tindakan dan 228 inisiatif pelaksanaan dalam memastikan rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan biodiversiti Negara dipelihara secara lebih berkesan dan berdaya laksana. Pelan Induk ini disediakan selaras dengan matlamat Negara untuk mengekalkan, memelihara dan memulihara serta menyambungkan kompleks-kompleks hutan bagi membentuk satu rangkaian fizikal hutan bersambungan yang melibatkan lapan (8) Negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, kepentingan PIRECFS 2022 disediakan adalah untuk mengekalkan kepelbagaiannya biodiversiti hutan serta memastikan isu terpisahnya hubungan hutan dalam kawasan CFS dapat ditangani dengan berkesan.

Strategi, tindakan dan inisiatif pelaksanaan yang dihasilkan dalam PIRECFS 2022 ini telah mengambil kira kelemahan serta cabaran dalam aspek pencapaian pelaksanaan PIRECFS 2010 seperti perancangan guna tanah, peruntukan kewangan dan kapasiti pengurusan yang terhad serta keperluan memperkuatkannya perundungan dan juga penguatkuasaan bagi menangani isu pemburuan, konflik manusia – hidupan liar, roadkill, pembalakan haram yang menjadi ancaman kepada pemeliharaan hutan dan

perlindungan biodiversiti dalam kawasan CFS secara am dan Rangkaian Ekologi khususnya.

Oleh itu, bagi memastikan PIRECFS 2022 ini berdaya laksana, tiga aspek yang diberi penekanan iaitu pengurusan sumber manusia, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan serta pengurusan kewangan yang saling berhubung kait dan merupakan faktor utama pelaksanaan Pelan Induk yang efektif bagi mencapai Visi Pelan Induk iaitu '**Menyambung Kembali Hutan**' (**Reconnecting The Forest**).

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan serta NGO yang bersama-sama terlibat dalam tempoh penyediaan kajian dengan berkongsi data dan maklumat bagi memuktamadkan dokumen PIRECFS 2022. Tidak lupa juga kepada lapan (8) Kerajaan Negeri yang terlibat di atas persetujuan dalam menerima pakai Pelan Induk ini. Pihak PLANMalaysia sentiasa terbuka sekiranya Kerajaan Negeri ingin memperincikan cadangan Rangkaian Ekologi yang boleh dilaksanakan secara kolaborasi bersama PLANMalaysia@Negeri. Ia penting supaya Pelan Induk ini dapat diterimakan dan dilaksanakan dengan berkesan. Diharap segala cadangan yang telah dihasilkan dalam dokumen ini dapat diterjemahkan secara terperinci semasa penyediaan Rancangan Tempatan (RT) Penggantian dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi Rangkaian Ekologi CFS yang telah dikenal pasti di peringkat negeri masing-masing. Usaha ini merupakan satu keperluan untuk mewartakan cadangan yang telah dihasilkan dalam PIRECFS 2022

melalui peruntukan perundungan semasa bagi mengawal pembangunan terutamanya di kawasan hutan Semenanjung Malaysia.

Saya percaya, melalui kerjasama dan keprihatinan yang diberikan oleh semua pihak akan memupuk pemikiran kolaboratif untuk menangani isu dan cabaran bersama ke arah menyambung semula hutan melalui pengukuhan Rangkaian Ekologi CFS.

Sekian, terima kasih.



TPr DR. ALIAS BIN RAMELI

Ketua Pengarah

PLANMalaysia

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)  
Putrajaya